UUM Universiti Utara Malaysia
Dalam Akhbar
Unit Komunikasi Korporat

4 NOV 2015 | 11

News Straits Times | Utusan Malaysia | Berita Harian | Sin Chew Daily | Tamil Nesan Daily
NanYang Siang Pau | Harian Metro | Kosmo | Kwong Wah Yit Poh | Malaysia Nanban
The Star | The Sun | Sinar Harian | China Press

UUM / AAKO / UM / 4.11.2015 / P: 11 (1)

ROHAMI SHAFIE



Merancakkan sektor pelancongan negara

MUNGKIN bagi sesetengah orang, sukan ragbi permainan yang kasar berbanding sukan lain. Namun bagi peminat sukan ini, pastinya akan menyatakan bahawa sukan ini tidaklah sekasar mana berbanding *American Football* yang hanya dimainkan di negara Uncle Sam. Malah, sukan ragbi ini amat digemari oleh penduduk New Zealand yang terkenal cukup ramah dan menghormati pelancong-pelancong asing.

Bagi sesiapa yang pernah mengunjungi New Zealand pastinya mengakui hakikat ini. Misalnya, jika kita ingin bergambar bersama keluarga, pastinya ada penduduk negara tersebut yang menawarkan diri untuk membantu mengambil gambar kita. Tidak perlu *selfie* atau seumpamanya, mereka sendiri akan segera membantu. Itulah antara sikap murni penduduk New Zealand yang menyebabkan sahabat saya yang ke sana baru-baru ini tidak habis-habis memuji negara dan penduduknya sehingga sanggup berhijrah ke negara tersebut.

Jadi, amat meleset sekali jika dikaitkan sukan ragbi dengan sikap penduduk New Zealand walhal kasar bukanlah perwatakan mereka. Untuk rekod, pasukan ragbi New Zealand, *All Blacks* paling banyak menjulang trofi Ragbi Piala Dunia termasuklah edisi tahun ini yang berakhir Sabtu lalu. Sukan ragbi telah menjadi sebuah industri di New Zealand yang menawarkan pelbagai produk All Blacks kepada para pelancong.

Dalam hal ini kita perlu mengambil iktibar bagaimana penduduk New Zealand memajukan sektor pelancongan. Misalnya, layanan terbaik terhadap para pelancong perlu sentiasa diamalkan agar para pelancong berasa selesa sepanjang berada di Malaysia. Maka dengan itu, baharulah terserlah betapa berbaloinya mereka melancong ke negara kita.

Malangnya terdapat dalam kalangan kita yang menipu para pelancong dengan mengenakan pelbagai caj tinggi, misalnya tambang teksi yang mahal tidak mengikut meter. Mengambil kesempatan ke atas mereka sehingga menyebabkan nama negara juga tercemar. Ini belum termasuk sikap kurang mesra dengan para pelancong yang ingin mendapatkan bantuan.

> **Untuk memastikan kemapanan sektor pelancongan negara, mahu tidak mahu layanan terbaik rakyat Malaysia terhadap pelancong juga perlu diambil kira**

Untuk memastikan kemapanan sektor pelancongan negara, mahu tidak mahu layanan terbaik rakyat Malaysia terhadap pelancong juga perlu diambil kira. Bayangkan pertama kali pelancong menjejaki negara kita mengalami pengalaman yang kurang baik ekoran sikap segelintir pihak yang tidak prihatin

UUM Universiti Utara Malaysia
Dalam Akhbar
Unit Komunikasi Korporat

Tarikh: 4 NOV 2015
Muka Surat: 11

☐ News Straits Times ☑ Utusan Malaysia ☐ Berita Harian ☐ Sin Chew Daily ☐ Tamil Nesan Daily
☐ NanYang Siang Pau ☐ Harian Metro ☐ Kosmo ☐ Kwong Wah Yit Poh ☐ Malaysia Nanban
☐ The Star ☐ The Sun ☐ Sinar Harian ☐ China Press ☐

Sambungan ..

dengan sektor pelancongan negara, maka, pengalaman yang dialami oleh mereka ini akan disampaikan kepada keluarga dan rakan taulan sekembalinya mereka ke tanah air.

Sudah pasti kita tidak mahu perkara ini berlaku. Lebih-lebih lagi, dalam Bajet 2016, jelas memperlihatkan usaha kerajaan untuk memudahkan pelancong dan pelawat ke negara ini. Usaha-usaha kerajaan ini termasuklah menawarkan perkhidmatan permohonan visa secara atas talian kepada beberapa buah negara seperti China, India, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada. Segala usaha kerajaan ini tidak akan ke mana tanpa adanya kerjasama dan bantuan oleh rakyat Malaysia itu sendiri.

Selain itu, dalam Bajet 2016, kerajaan telah mengumumkan pengecualian cukai pendapatan sedia ada sebanyak 100 peratus buat pengusaha pelancongan, maka dengan ini diharapkan sektor pelancongan negara dapat dirancakkan ke tahap yang lebih baik lagi.

Sememangnya kerajaan mampu menyediakan pelbagai kemudahan terbaik untuk para pelancong datang ke negara kita. Tambahan lagi, kelebihan negara kita yang cukup dikenali sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian. Dalam konteks ini, Malaysia memiliki pelbagai budaya, makanan, flora dan fauna. Tidak cukup dengan itu, Malaysia juga terkenal dengan pelbagai tempat menarik, bersejarah, dan moden serta pulau-pulau yang bersih lagi indah. Kelebihan inilah yang menyebabkan Malaysia antara 10 negara yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong di serata dunia.

Selain layanan terbaik rakyat negara kita terhadap para pelancong dan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, satu lagi aspek yang perlu diberikan keutamaan ialah kebersihan di kawasan-kawasan yang menjadi destinasi utama pelancong.

Dalam hal ini, tidak keterlaluan dikatakan negeri Melaka contoh terbaik sebuah negeri di Malaysia yang amat terserlah dengan kebersihannya. Gabungan pelbagai produk pelancongan yang boleh ditawarkan terhadap para pelancong dan kebersihan yang cukup nyata menyebabkan Melaka menjadi tumpuan.

Justeru, negeri-negeri lain perlu mencontohi usaha berterusan kerajaan Melaka untuk sentiasa mengekalkan kebersihan negeri tersebut.

Sewajarnya kerajaan perlu tegas dalam hal ini agar negara kita benar-benar bersih dari kaca mata pelancong. Ambil sahaja contoh Jepun yang kebersihannya sukar ditandingi oleh mana-mana negara sehingga negara tersebut cukup sinonim dengan kebersihannya.

Sudah tentu untuk mengubah mentaliti segelintir penduduk negara kita supaya sentiasa menjaga kebersihan cukup mencabar, namun itu bukanlah alasan untuk tidak berbuat sesuatu. Pokoknya, kesedaran menjaga kebersihan perlu dimulakan seawal usia persekolahan. Jika kebersihan menjadi amalan hidup rakyat Malaysia, maka bukan setakat negara kita akan sentiasa dikunjungi oleh ramai pelancong, tetapi juga boleh menghindari pelbagai penyakit yang memudaratkan dan berbahaya kepada warga Malaysia.

Dengan menggabungkan aspek kebersihan, layanan terbaik ke atas pelancong dan pelbagai produk pelancongan mampu ditawarkan kepada mereka, maka tiada sebab negara kita tidak boleh berada di kedudukan antara tiga negara di dunia yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong di seluruh dunia. Terutamanya sekarang ketika mata wang Malaysia berada pada kedudukan kompetitif untuk menarik lebih ramai lagi pelancong asing. Maka, peluang ini perlu diambil sebaik mungkin oleh pemain-pemain sektor pelancongan agar sasaran untuk menarik 30.5 juta pelancong pada tahun hadapan dapat dicapai. Ini sekali gus dapat menjana pendapatan yang lumayan buat negara dan rakyat Malaysia.

DR. ROHAMI SHAFIE ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Pusat Pengajian Perakaunan (SOA) Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia.